

Dr. M persoalkan hak Hadi tuduh ulama UMNO 'syaitan bisu'

UM - 8 SEP 2003

JITRA 7 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mempersoalkan hak Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang untuk membuat tuduhan bahawa ulama UMNO sebagai "syaitan bisu."

Dr. Mahathir berkata, Menteri Besar Terengganu tidak boleh membuat tuduhan seumpama itu dan perlu memberi alasan kerana tergamak membuat tuduhan tersebut.

"Apa hak dia nak panggil ulama UMNO sebagai syaitan, dia Tuhan knh?"

"Dia tahu kah dia betul atau tidnk, dia tak boleh buat tuduh in macam tu," kata Dr. Mahathir kepada pembicara selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan pemimpin Barisan Nasional (BN) di Parlimen Kubang Pasu di Bangunan LJMNO bahagian Kubang Pasu di sini hari ini.

Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO diminta mengulas kenyataan Abdul Hadi semalam yang menukar dakwaannya bahawa "syaitan bisu" yang dimaksudkannya pada sidang De-Will, Undangan Negri

baru-baru ini ditujukan kepada ulama UMNO dan bukannya pihak polis.

Sebaliknya menurut Dr. Mahathir, semua orang tahu, pemimpin Pas iaitu Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang "berkawan dengan syaitan" kerana beliau pernah mengeluarkan kenyataan "Tuhan mencarut dan Tuhan samseng".

Kerajaan boleh mengam- bil tindakan terhadap pemimpin Pas yang membuat tuduhan itu jika ada bukti jelas dan sekiranya kenyataan itu boleh menjejaskan keamanan negara.

Bagaimanapun, kata Dr. Mahathir, tindakan kerajaan itu mungkin akan metimbulkan masalah kerana penyokong parti pembangkang berkemungkinan menggunakan tindakan kerajaan terhadap pemimpin mereka itu sebagai alasan untuk menimbulkan huru-hara kepada negara.

Padn perjumpaan tertutup itu, Dr. Mahathir menjelaskan, beliau meminta pemimpin di Kubang Pasu menyokong sesiapa juga yang akan dipilih sebagai calon pada pilihan raya akan datang.